

# HOVID-PARACETAMOL SUSPENSION 250MG/5ML (SUGAR FREE)

Paracetamol (250mg dalam 5 ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hovid-Paracetamol Suspension
2. Bagaimana Hovid-Paracetamol Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hovid-Paracetamol Suspension
4. Cara menggunakan Hovid-Paracetamol Suspension
5. Semasa menggunakan Hovid-Paracetamol Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hovid-Paracetamol Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Hovid-Paracetamol Suspension

Hovid-Paracetamol Suspension digunakan untuk melegakan demam, sakit kepala dan gejala selesema dan flu, sakit gigi, ketidakselesaan ketika tumbuh gigi dan demam selepas mendapatkan vaksin.

## Bagaimana Hovid-Paracetamol Suspension berfungsi

Hovid-Paracetamol Suspension mengandungi *Paracetamol* yang membantu menghalang stimulasi sakit dan ia bertindak pada pusat kawalan haba di bahagian otak. Tidakan ini mengakibatkan peningkatan pengaliran darah, berpeluh dan menghilangkan haba dalam badan.

## Sebelum menggunakan Hovid-Paracetamol Suspension

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- Anda pernah mengalami reaksi alahan terhadap *Paracetamol*.
- Fungsi hati anda tidak bagus.

Ubat ini mengandungi **PARACETAMOL**. Jangan ambil sebarang ubat yang mengandungi *paracetamol* dalam masa yang sama.

Jika anda tidak pasti sama ada anda harus mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

### - Sebelum mula mengambil Hovid-Paracetamol Suspension

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil mana-mana ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan diperolehi tanpa preskripsi, kerana ianya boleh berinteraksi dengan Hovid-Paracetamol Suspension anda.

Amaran alahan: *Paracetamol* mungkin mengakibatkan alahan kulit yang serius. Gejala seperti kemerahan kulit, kulit melepuh atau ruam boleh berlaku. Ini merupakan tanda-tanda keadaan yang serius. Jika alahan ini berterusan, berhenti ambil ubat ini dan dapatkan rawatan kesihatan dengan kadar segera.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan ubat anti-psikotik seperti *barbiturate*, *tricyclic antidepressants* dan alkohol mungkin meningkatkan kadar toksik dalam hati.

Ubat bagi merawat loya dan muntah seperti *metoclopramide* dan ubat bagi merawat asid gastrik dalam perut seperti *domperidone* akan meningkatkan penyerapan *paracetamol* dalam darah.

Ubat kolestrol seperti *colestyramine* mungkin mengurangkan kadar penyerapan *paracetamol*.

Pengambilan *paracetamol* dalam jangka masa yang panjang serta pengambilan ubat antikoagulan (ubat yang memberhentikan pendarahan) akan meningkatkan risiko pendarahan.

Penggunaan *paracetamol* yang berterusan akan mengurangkan keberkesanan ubat *zidovudine* (ubat anti virus).

Interaksi lain yang tidak disenaraikan mungkin boleh berlaku. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

## Cara menggunakan Hovid-Paracetamol Suspension

### - Berapa banyak harus digunakan

Hovid-Paracetamol Suspension boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Untuk panduan yang lebih baik, timbang anak anda dan kirakan dos yang harus diberi berdasarkan atas 15mg *Paracetamol* setiap kg berat badan.

Pengambilan secara oral sahaja.

Pastikan anak anda tidak ambil lebih kerap daripada setiap 4 jam. Dos yang paling rendah diperlukan untuk mencapai keberkesanan yang harus digunakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini setiap hari sebelum atau selepas makan, tidak melebihi 4 kali sehari dengan selang 6 jam bagi setiap dos.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat ini selama yang diarahkan oleh doktor.

### - Jika terlupa mengambil hovid-Paracetamol Suspension

Adalah amat penting untuk mengambil ubat anda setiap hari kerana rawatan yang berterusan dan tetap akan memberi kesan yang lebih baik.

Ambil dos sejeurus sahaja anda ingat, melainkan ianya hampir dengan masa dos seterusnya. Jangan ambil dua dos sekaligus. Jika gejala berterusan, jumpa doktor anda.

### - Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor atau bahagian kecemasan dengan segera. Jangan

# HOVID-PARACETAMOL SUSPENSION

## 250MG/5ML (SUGAR FREE)

Paracetamol (250mg dalam 5 ml)

memandu jika anda telah mengambil terlalu banyak ubat ini.

### **Semasa menggunakan Hovid-Paracetamol Suspension**

#### - Perkara yang tidak perlu dilakukan

Ambil ubat setiap hari seperti yang diarahkan oleh doktor.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil melebihi dos yang disarankan.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan ambil sebarang ubat yang mengandungi *paracetamol* dalam masa yang sama.
- *Paracetamol* mungkin akan menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala seperti kemerahan kulit, kulit melepuh atau ruam akan berlaku. Jika tanda-tanda ini berterusan, berhenti ambil ubat ini dan dapatkan rawatan dengan segera.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan yang lain, Hovid-Paracetamol Suspension juga boleh mengakibatkan kesan sampingan, tetapi bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan berikut mungkin berlaku:

- Ruam kulit
- Reaksi alahan
- Bengkak pada kulit atau *angioedema*
- *Stevens Johnson Syndrome* (demam, selesema dan ruam kulit)
- *Toxic epidermal necrolysis* (kesan alahan kulit yang teruk)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my)

[Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Hovid-Paracetamol Suspension**

#### - Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi daripada cahaya dan pembekuan.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat Produk**

#### - Rupa dan warna produk

Cecair berwarna merah jambu dan pekat dengan rasa raspberi.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Setiap 5ml mengandungi 250mg *Paracetamol*.
- Bahan-bahan tidak aktif
  - *Colloidal Silicon Dioxide*
  - *Silicone Antifoam Emulsion*
  - *Methyl Hydroxybenzoate*
  - *Propyl Hydroxybenzoate*
  - *Propylene Glycol*
  - *Edetate Calcium Disodium*
  - *Ponceau 4R Lake*
  - *Titanium Dioxide*
  - *Xanthan Gum*
  - *Glycerin*
  - *Sorbitol 70%*
  - *Acesulfame Potassium*
  - *Sucralose*
  - *Citric Acid*
  - *Raspberry Flavour*

#### - Nombor MAL:

MAL15095032XZ

### **Pengilang**

HOVID Berhad

121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar), 30010, Ipoh, Perak, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Hovid Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar), 30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

24/05/2021

### **Nombor Siri**

NPRA (R2/1) 210414/664